



# PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI **MALAYSIA**

## **KATEGORI SENIBINA**

*Terbuka kepada semua Firma Senibina/ Arkitek/ Arkitek Graduan yang berdaftar dengan LAM*

## **CONVENOR:**

Profesor Madya (Ind)  
Ar. Sarly Adre Bin Sarkum

**KATEGORI SENIBINA**

## **PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 PENGENALAN	2
2.0 OBJEKTIF	2
3.0 SYARAT KELAYAKAN	2
4.0 BRIF PERTANDINGAN	2
5.0 KRITERIA REKABENTUK	3
6.0 PANEL JURI	3
7.0 HADIAH PERTANDINGAN	4
8.0 JANGKA MASA PERTANDINGAN	4
9.0 SYARAT & FORMAT PENYERAHAN	4
10.0 PROSEDUR PENYERAHAN	5
11.0 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN	5
12.0 HILANG KELAYAKAN	5
13.0 PAMERAN & PENERBITAN	5
14.0 HAKCIPTA & HAK PEMILIKAN	5
15.0 TUNTUTAN SEMULA	6
16.0 LAMPIRAN:	
LAMPIRAN A Borang Perakuan	7
LAMPIRAN B Borang Pertanyaan	8

## **PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA**

### **1.0 PENGENALAN**

Sempena dengan sambutan 50 Tahun LAM, pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia bertujuan untuk mengenal pasti identiti senibina Malaysia bagi generasi masa depan. Dengan adanya pertandingan ini, diharapkan dapat menghasilkan konsep rekabentuk senibina yang tidak hanya relevan pada masa kini, tetapi juga mampu memberi sumbangan kepada pembangunan jangka panjang negara ini. Melalui penekanan pada identiti Malaysia dalam senibina, pertandingan ini ingin memastikan warisan budaya dan nilai-nilai unik Malaysia terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang. Ini akan membantu membangun kesedaran dan kebanggaan terhadap identiti senibina Malaysia, serta memupuk kesedaran akan pentingnya mempertahankan elemen-elemen yang mencerminkan jati diri bangsa dalam pembangunan kota dan kawasan binaan.

### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia tentang kepentingan rekabentuk senibina beridentiti kebangsaan.
- 2.2 Meningkatkan penghayatan jati diri budaya dan bangsa rakyat Malaysia dalam rekabentuk senibina.
- 2.3 Menggalakkan Arkitek untuk berinovasi dan berdaya cipta dalam menghasilkan rekabentuk lestari yang memperkasa budaya dan nilai kenegaraan.
- 2.4 Mencetuskan daya saing yang sihat di kalangan Arkitek.

### **3.0 SYARAT KELAYAKAN**

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua Firma Arkitek / Arkitek / Arkitek Graduan yang berdaftar dengan LAM.
- 3.2 Setiap peserta mestilah tidak mempunyai sebarang pertalian dengan setiap ahli Panel Juri dan Konvenor yang telah dilantik.

### **4.0 BRIF PERTANDINGAN**

Berikut adalah brif pertandingan untuk rujukan peserta:

- 4.1 Tema Projek : Rekabentuk pencakar langit (*skyscraper*) setinggi 50-60 tingkat yang mencerminkan identiti senibina Malaysia telah direalisasikan di dalam senibina banguna tersebut. Pencakar langit tersebut mestilah direkabentuk bukan sahaja menjadi ikon dalam landskap bandar, tetapi juga menjadi lambang prestasi dan jati diri negara.
- 4.2 Tapak : Peserta bebas memilih lokasi tapak di mana-mana bandar di Malaysia untuk pembinaan pencakar langit tersebut
- 4.3 Jumlah Penyertaan : Tidak ada batasan jumlah penyertaan yang boleh diajukan oleh peserta
- 4.4 Yuran Pendaftaran : Yuran Penyertaan adalah sebanyak **RM300**

**(Ringgit Malaysia Tiga Ratus)** bagi setiap penyertaan

## **5.0 KRITERIA REKABENTUK**

Panel Juri akan membuat penilaian berdasarkan pematuhan kepada prinsip Identiti Rekabentuk Senibina Malaysia, antara lainnya seperti berikut:

- |     |                       |   |  |
|-----|-----------------------|---|--|
| 5.1 | Konsep Rekabentuk     | : | Keunikan rekabentuk yang mencerminkan Identiti Senibina Malaysia |
| 5.2 | Estetika              | : | Mencerminkan Identiti Senibina Malaysia                          |
| 5.3 | Kelestarian           | : | Aspek kelestarian terbaik  |
| 5.4 | Inovasi               | : | Nilai inovasi yang tinggi  |
| 5.5 | Integrasi Kontekstual | : | Aspek rekabentuk bandar yang baik dan integrasi sosial           |
| 5.6 | Impak Sosial          | : | Nilai impak sosial dan inklusiviti rekabentuk                    |

Peserta hendaklah mengambil maklum bahawa keputusan juri adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

## **6.0 PANEL JURI**

- |     |   |
|-----|---|
| 6.1 | Minima tujuh (7) ahli akan dilantik sebagai juri untuk penilaian kepada semua penyertaan yang diterima.   |
| 6.2 | Ahli – ahli Panel Juri terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Yang Dipertua LAM (Ketua Juri)</li><li>(ii) Presiden, Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)</li><li>(iii) Presiden, Malaysian Institute of Interior Designers (MIID)</li><li>(iv) Presiden, Association of Consulting Architects Malaysia (ACAM)</li><li>(v) Pengurus JK Identiti Rekabentuk Senibina (IRAS) Negara, LAM</li><li>(vi) Tan Sri Dato' Sri Ar. Haji Esa Bin Haji. Mohamed</li><li>(vii) Dato' Haji Ar. Hajeedar Bin Abdul Majid</li><li>(viii) Ar. Hijas Bin Kasturi</li></ul> |
| 6.3 | Penganjur mempunyai hak untuk menukar panel Juri pada bila-bila masa.   |
| 6.4 | Keputusan yang diumumkan oleh Panel Juri adalah muktamad.   |

**7.0****HADIAH PERTANDINGAN**

<b>HADIAH DITAWARKAN</b>	<b>HADIAH UNTUK PESERTA</b>
Hadiah Pertama	RM20,000.00 & Sijil Pemenang
Hadiah Kedua	RM10,000.00 & Sijil Pemenang
Hadiah Kepujian (x3)	RM3,000.00 & Sijil Kepujian

Sijil Penyertaan dan Mata Kredit CPD akan diberikan kepada semua peserta yang mengemukakan penyertaan

**8.0****JANGKA MASA PERTANDINGAN**

- |   |                   |
|---|-------------------|
| (a) Tarikh Pendaftaran Bermula                        | <b>17.06.2023</b> |
| (b) Tarikh Pengeluaran Brif Penyertaan                | <b>03.07.2023</b> |
| (c) Tarikh Tutup Pendaftaran                          | <b>17.07.2023</b> |
| (d) Tarikh Pertanyaan dan Soal Jawab                  | <b>24.07.2023</b> |
| (e) Tarikh Tutup Pengemukaan                          | <b>30.08.2023</b> |
| (f) Tarikh Mula Penilaian Panel Juri (Senarai Pendek) | <b>04.09.2023</b> |
| (f) Tarikh Penilaian Panel Juri (Peringkat Akhir)     | <b>12.09.2023</b> |
| (g) Tarikh Penyampaian Hadiah Pertandingan            | <b>05.10.2023</b> |

**9.0****SYARAT DAN FORMAT PENYERAHAN**

Setiap Penyertaan hendaklah mengandungi:

- 9.1 Maksimum 2 Poster Panel bersaiz A1 (landskap) berformat JPEG dengan resolusi 300dpi
- 9.2 Setiap penyertaan perlu melampirkan teks huriaian rekabentuk (tidak lebih dari 1000 patah perkataan) bersaiz A4 format PDF yang memberi penerangan mengenai konsep rekabentuk dan bahan kemasan yang dicadangkan.
- 9.3 Borang Perakuan hendaklah dikemukakan bersama perkara 9.1 & 9.2 dan dimuat naik bersama penyertaan rekabentuk melalui pautan *Google Drive* khas yang akan diberikan secara berasingan.
- 9.4 Sebarang nama peserta, nama organisasi, logo, simbol atau identiti tidak dibenarkan di atas poster dan juga metadata serta penamaan fail. Penamaan fail hendaklah menggunakan nombor pendaftaran yang diberikan oleh LAM.
- 9.5 Kegagalan mengemukakan borang perakuan ini, penyertaan akan ditolak oleh pihak pengajur.

## **10.0 PROSEDUR PENYERAHAN**

- 10.1 Semua Penyertaan hendaklah dimuat naik penyertaan melalui pautan *google drive* khas yang disediakan **sebelum jam 5.00 Petang (30 Ogos 2023)**. Pihak pengajur akan memberikan pautan *google drive* khas bersama-sama briif. Pihak pengajur berhak menolak penyertaan yang dikemukakan selepas jam 5.00 Petang (30 Ogos 2023).
- 10.2 Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kerosakan kepada penyertaan semasa proses pengemukaan.
- 10.3 Peserta adalah dinasihatkan untuk menyimpan semua salinan penyertaan yang telah dihantar ke pihak pengajur.

## **11.0 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN**

- 11.1 Penyampaian hadiah pertandingan akan diadakan pada **5 Oktober 2023** bersempena dengan Majlis Anugerah LAM (*LAM Awards*). Tempat akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

## **12.0 HILANG KELAYAKAN**

- 12.1 Kegagalan peserta untuk mematuhi Peraturan & Syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur boleh menyebabkan kehilangan kelayakan dengan serta merta.
- 12.2 Panel Juri mempunyai hak dan keputusan muktamad untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang telah melanggar peraturan pertandingan.

## **13.0 PAMERAN & PENERBITAN**

- 13.1 Pihak pengajur mempunyai hak untuk menerbitkan atau memaparkan mana-mana penyertaan di dalam laman web atau di dalam apa jua Penerbitan & Promosi LAM dan akan memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada pihak yang berkenaan.

## **14.0 HAKCIPTA DAN HAK PEMILIKAN**

- 14.1 Hakcipta bagi semua karya peserta akan tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (AKTA 332) dan apa-apa pindaannya yang berkuatkuasa pada masa ini di Malaysia.
- 14.2 Pengarang rekabentuk akan mengekalkan hakciptanya terhadap karya tersebut; tiada perubahan boleh dibuat tanpa persetujuan rasmi daripadanya.
- 14.3 Tiada penyertaan atau rekabentuk, sama ada telah menerima hadiah atau tidak, boleh digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Pengajur kecuali melalui perjanjian dengan pengarang bagi melaksanakan sebarang projek di mana-mana tapak, kerana ini hanyalah pertandingan idea rekabentuk.
- 14.4 Dalam semua kes, pengarang rekabentuk akan mengekalkan hak penghasilan semula, tertakluk kepada peruntukan di para 14.2 di atas.

**15.0 TUNTUTAN SEMULA**

Semua penyertaan tidak akan dikembalikan.

**16.0 LAMPIRAN**

Lampiran A      Borang Perakuan

Lampiran B      Borang Pertanyaan

**PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA****BORANG PERAKUAN****PERAKUAN:**

Saya/Kami telah membaca dan memahami brief pertandingan dan syarat-syarat penyertaan serta penyerahan dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat tersebut.

Saya/Kami memperakui bahawa saya/kami adalah pengarang (author) bagi dokumen penyertaan ini.

TANDATANGAN:

TARIKH:

NAMA PESERTA/NAMA FIRMA:

NOMBOR PENDAFTARAN LAM:

COP SYARIKAT:



**PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA**

**BORANG PERTANYAAN**

**Kepada:**

**Penganjur Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia  
(Kategori Senibina)**

-----  
Nama Peserta/Nama Firma : \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran LAM : \_\_\_\_\_

Pertanyaan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

*Peserta boleh mengemukakan lebih daripada satu (1) pertanyaan. Sila guna helaian tambahan sekiranya perlu.  
Sila emel kepada [event@lam.gov.my](mailto:event@lam.gov.my) sebelum jam 5.00 petang (24 Julai 2023)*